

05/09/1998

## Panggung dan aspirasi nasional

### Kunang-Kunang

PANGGUNG Negara sama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil siap dibina ketika negara sedang berdepan dengan kegawatan ekonomi. Seperti diucapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan KLIA, kita beruntung kerana perancangan dibuat ketika ekonomi negara masih stabil. Dalam keadaan sekarang, sudah tentu tidak mampu dilakukan.

Kos pembinaan kompleks Panggung Negara RM205 juta, jauh lebih murah daripada dua projek mega itu. Itupun, pada peringkat awal ia hanya dirancangkan dengan kos RM160 juta tetapi meningkat kerana pemasangan peralatan canggih. Khabarnya, dengan kos RM205 juta, ia masih rendah berbanding pembinaan kompleks teater dan panggung terbesar di beberapa tempat di luar negara.

Menjelang pembukaannya yang dijangka awal tahun depan, Panggung Negara menjadi lambang kejayaan negara dalam mengangkat martabat seni, khususnya persembahan teater bertaraf dunia. Jika selama ini, kita bercakap mengenai kehebatan persembahan teater di kota London, Rom dan New York, kini negara ini turut memilikinya.

Kompleks itu dibina di kawasan seluas 5.4 hektar dan ruang lantai seluas 21,000 meter persegi di persimpangan Jalan Tun Razak/Jalan Temerloh/Jalan Beserah, Kuala Lumpur. Panggung Negara terletak pada kedudukan indah kerana bersebelahan Taman Tasik Titiwangsa dan dibina berasaskan reka bentuk seni bina Melayu. Tempat duduknya berkonsepkan neoklasik seperti panggung opera atau teater di sekitar Rom, Itali dan reka bentuknya berdasarkan ciri anjung rumah kayu dan ukiran tempatan. Lebih menarik, kompleks ini tidak berpagar dan orang ramai boleh mengunjunginya pada bila-bila masa. Ini hanyalah sebahagian daripada keistimewaannya.

Sudah tentulah menjadi harapan semua pihak supaya kompleks berprestij yang bakal disenaraikan sebagai antara 10 kompleks teater dan pementasan yang mempunyai infrastruktur terbaik di dunia, tidak menjadi gajah putih.

Malah, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, sudah menetapkan sasaran 200 hari persembahan setahun, termasuk persembahan tempatan dan luar negara. Seperti panggung ternama di luar negara, persembahan teater terbaik memakan masa yang agak panjang sehingga boleh mencapai enam bulan untuk membolehkan mereka mendapat pulangan daripada sesuatu persembahan.

Membawa perkumpulan teater dari luar negara amat penting bukan setakat menguji kehebatan panggung, malah memberi peluang kepada peminat tempatan yang tidak berpeluang menyaksikannya di luar negara. Seperti persembahan teater di luar negara, ia menjadi produk pelancongan yang berharga kerana penonton sanggup datang dari jauh sekiranya sesuatu persembahan itu menarik dan dibawakan oleh perkumpulan terkemuka.

Sudah tentulah apabila ada sesuatu yang berharga di depan mata, persembahan tempatan tidak diabaikan dan turut diberi peluang untuk mengadakan persembahan. Jika tidak, tentulah akan ada anggapan 'kera di hutan disusukan'. Jika dilihat beberapa tahun kebelakangan ini sudah banyak pihak diasuh oleh pihak kementerian mengadakan persembahan besar menjelang pembukaan panggung itu. Kita amat meyakini sudah tentu ada pihak yang berkemampuan bakal diberi peluang. Keseimbangan ini amat perlu dalam memenuhi aspirasi nasional. Tidak cukup dengan hanya bangunan hebat, jika pengisiannya kelak tempang.

Maka, sekalipun panggung ini hanya akan dirasmikan tahun depan, pihak

berkepentingan sepatutnya sudah mengedarkan program persembahan bukan sahaja di sini, malah seluruh dunia untuk membolehkan promosi ini berjalan lebih hebat. Selama ini, kita melihat promosi teater belum cukup berpengalaman dan banyak benda dibuat pada saat akhir. Jika ada promosi lebih awal, tidak mustahil ia menjadi produk pelancongan amat bernilai buat semua.

(END)